

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16/4/2012

'Usah bagi PTPTN kepada mereka minta mansuh'

DARI MUKA 1

Bekas Perdana Menteri berka-ta, Anwar sendiri tidak tahu apa yang difikirkannya dan terlupa kerana ketika itu beliau adalah timbalannya dan pernah me-mangku jawatan Perdana Men-teri pada 1997.

"Itulah Anwar... dia sendiri tak tahu apa yang dia fikir, dia lupa. Biarlah, mereka (negara luar) ka-ya, mereka boleh bagi (pendidi-kan) secara percuma... kita boleh mansuhkan PTPTN tetapi biar orang yang minta mansuh saja terbabit.

"Orang yang tidak minta PTPTN dimansuhkan, kita terus bagi," katanya pada sidang media selepas sambutan Hari Pengasa-san Ke-28 Universiti Utara Ma-laysia (UUM), di sini, semalam.

Sebelum ini, terdapat laporan sebuah laman blog RBH online menyifatkan cadangan Anwar untuk memansuhkan PTPTN adalah sandiwara semata-mata kerana beliau adalah individu yang bertanggungjawab melulus-kan penubuhan PTPTN pada 1 Julai 1997.

Pada ketika itu, Dr Mahathir mengambil cuti lebih dua bulan dan melantik Anwar sebagai Pe-mangku Perdana Menteri.

Dalam siri kempen politik, pa-katan pembangkang berjanji menghapuskan kutipan tol, gaji minimum RM4,000 sebulan dan menghapuskan PTPTN.